

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

DIKEMASKINI PADA 22 OGOS 2023

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
A. PENGENALAN / TUJUAN		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 ?	<p>PKPS 2.0 ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan yang sepatutnya dalam tempoh program ini dilaksanakan. Ini merupakan inisiatif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk menyokong rukun pemampanan dalam pentadbiran percuakaian negara seiring dengan konsep Malaysia Madani. Program yang ditawarkan ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai mereka berteraskan konsep AES (<i>Awareness, Education, Service</i>) yang diamalkan di LHDNM.</p> <p>Pengakuan sukarela meliputi skop berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">Pelaporan pendapatan yang tidak / kurang dilaporkan, perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntut / tidak dibenarkan, pelepasan / potongan / rebat terlebih tuntut dan elau modal / insentif yang terlebih tuntut;Pelaporan pelupusan aset; danPenyeteman dokumen / perjanjian yang tidak dibuat dalam tempoh yang dibenarkan.
2.	Bilakah PKPS 2.0 ini dilaksanakan?	PKPS 2.0 ini dilaksanakan bagi tempoh bermula 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN															
3.	Apakah manfaat yang boleh saya peroleh daripada PKPS 2.0 ini?	<p>Melalui PKPS 2.0 ini, kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Kategori Pengakuan Sukarela</th><th style="text-align: center; padding: 5px;">Kadar Penalti</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Pembayar cukai baharu</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">0%</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Pembayar cukai sedia ada yang:</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">0%</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">a. Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi mana-mana tahun taksiran yang terlibat;</td><td style="text-align: center; padding: 5px;"></td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">b. Telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa bagi tahun taksiran yang terlibat.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;"></td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran yang terlibat.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">0%</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.</td><td style="text-align: center; padding: 5px;">0%</td></tr> </tbody> </table> <p>Pembayar cukai disarankan mengambil peluang untuk menyertai PKPS 2.0 ini bagi mengelakkan daripada tindakan penguatkuasaan audit yang mana pengenaan penalti adalah berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuat kuasa.</p>		Kategori Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti	Pembayar cukai baharu	0%	Pembayar cukai sedia ada yang:	0%	a. Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi mana-mana tahun taksiran yang terlibat;		b. Telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa bagi tahun taksiran yang terlibat.		Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran yang terlibat.	0%	Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.	0%
Kategori Pengakuan Sukarela	Kadar Penalti																
Pembayar cukai baharu	0%																
Pembayar cukai sedia ada yang:	0%																
a. Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi mana-mana tahun taksiran yang terlibat;																	
b. Telah mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa bagi tahun taksiran yang terlibat.																	
Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset bagi tahun taksiran yang terlibat.	0%																
Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.	0%																

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
4.	Adakah pengakuan sukarela bagi pindaan kadar cukai termasuk dalam PKPS 2.0?	<p>Pindaan kadar cukai tidak termasuk dalam pendapatan / perbelanjaan yang boleh dilaporkan / dituntut dalam PKPS 2.0. Skop PKPS 2.0 meliputi:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pelaporan pendapatan yang tidak / kurang dilaporkan, perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntut / tidak dibenarkan, pelepasan / potongan / rebat terlebih tuntut dan elaun modal / insentif yang terlebih tuntut; b. Pelaporan pelupusan aset; dan c. Penyeteman dokumen / perjanjian yang tidak dibuat dalam tempoh yang dibenarkan.
5.	Apakah yang dimaksudkan dengan PKPS 2.0 untuk duti setem?	PKPS 2.0 untuk duti setem menawarkan pengecualian pengenaan penalti sepenuhnya ke atas mana-mana dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 dan masih belum / tidak disetemkan.
B. KATEGORI PEMBAYAR CUKAI		
6.	Siapakah yang layak menyertai PKPS 2.0 ini?	<p>Pembayar cukai yang layak ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi telah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan. b. Pembayar cukai yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM dan mempunyai pendapatan / pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan. c. Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset. d. Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.
7.	Apakah yang dimaksudkan dengan pembayar cukai baharu?	<p>Pembayar cukai baharu yang dimaksudkan di bawah PKPS 2.0 ini adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pembayar cukai yang masih belum atau telah mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN); b. Pembayar cukai yang tidak mempunyai sebarang transaksi percukaian dalam rekod LHDNM (pembayar cukai dianggap mempunyai transaksi percukaian sekiranya taksiran anggaran telah dibangkitkan / telah membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) di mana pembayar cukai dianggap telah membuat pilihan untuk tidak memfailkan BNCP dan potongan PCB dianggap cukai muktamad); dan / atau c. Pembayar cukai yang pertama kali melaporkan pendapatan kepada LHDNM.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
8.	Apakah kategori fail pembayar cukai dan peruntukan akta yang terlibat bagi PKPS 2.0 ini?	<p>PKPS 2.0 ini melibatkan semua kategori fail pembayar cukai di bawah peruntukan Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 / Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (ACKHT) 1976 / Akta Setem (AS) 1949.</p> <p>Peruntukan undang-undang di bawah ACP 1967 / ACKHT 1976 / AS 1949 adalah berkaitan pengenaan penalti dan surcaj seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Subseksyen 112(3) ACP 1967 b. Subseksyen 113(2) ACP 1967 c. Subseksyen 140A(3C) ACP 1967 d. Subseksyen 29(3) ACKHT 1976 e. Subseksyen 47A(1) AS 1949 <p>Walau bagaimanapun PKPS 2.0 ini tidak melibatkan fail majikan.</p>
9.	Adakah pengakuan sukarela ini terpakai kepada pembayar cukai tidak bermastautin?	Ya. PKPS 2.0 ini terpakai kepada semua kategori pembayar cukai tidak bermastautin.
10.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela bagi pihak pembayar cukai yang meninggal dunia?	Boleh dengan syarat tuan adalah pentadbir yang sah bagi harta pusaka si mati.
11.	Saya sebagai majikan masih belum meremit Potongan Cukai Bulanan (PCB) bagi pihak pekerja saya. Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela di bawah PKPS 2.0 ini?	Kategori fail majikan tidak termasuk dalam kategori pembayar cukai yang layak di bawah PKPS 2.0. Tanggungjawab majikan meremit bayaran PCB yang sepatutnya adalah mengikut prosedur yang berkuat kuasa.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
12.	Saya merupakan salah seorang ahli kongsi kepada Perkongsian ABC. Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela bagi fail perkongsian ini?	Pengakuan sukarela bagi pendapatan perkongsian hendaklah dibuat atas fail perkongsian dan mendapat persetujuan daripada semua ahli kongsi. Kadar penalti di bawah PKPS 2.0 ini layak dinikmati oleh setiap ahli kongsi yang juga memilih untuk menyertai PKPS 2.0.
C. TAHUN TAKSIRAN TERLIBAT		
13.	Apakah tahun taksiran yang diliputi oleh PKPS 2.0 ini?	<p>Pengakuan sukarela boleh dibuat mengikut pembayar cukai yang layak dan tahun taksiran terlibat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Bagi pembayar cukai baharu, pelaporan pendapatan adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang. b. Bagi pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM, tahun taksiran yang terlibat adalah tahun taksiran 2021 dan ke belakang. c. Bagi Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pelaporan pelupusan aset adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.
14.	Adakah pengakuan sukarela melibatkan tempoh langkau masa (<i>time barred</i>)?	<p>Ya, semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun ke belakang akan ditaksir berdasarkan tahun taksiran yang sepatutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang percukaian.</p> <p>Bagi CKHT, pengakuan sukarela atas pelaporan pelupusan aset tahun ke belakang akan ditaksir berdasarkan tahun taksiran aset tersebut dilupuskan.</p>

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
15.	Adakah pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun ke belakang akan dicukai dalam tahun pendapatan diterima?	Semua pengakuan sukarela bagi pendapatan tahun ke belakang akan dicukai dalam tahun taksiran yang sepatutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang percukaian.
D. KES AUDIT / SIASATAN		
16.	Adakah pelaporan pengakuan sukarela saya akan disemak?	<p>Di bawah PKPS 2.0, pembayar cukai hendaklah membuat pelaporan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa. Semakan pengiraan cukai (<i>mathematical / calculation error</i>) akan dilakukan bagi memastikan ketepatan pengiraan cukai bagi pengakuan sukarela yang dibuat.</p> <p>LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh program ini dengan suci hati. Semakan lanjut sama ada melalui audit / siasatan tidak akan dilakukan terhadap tahun taksiran yang berkaitan dengan pendapatan yang dilaporkan secara sukarela tersebut.</p>
17.	Adakah saya boleh menyertai PKPS 2.0 ini jika saya sedang diaudit / disiasat?	<p>Pembayar cukai tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0 ini bagi mana-mana Tahun Taksiran (TT) yang mana tindakan audit / siasatan telah bermula.</p> <p>Maksud bagi tindakan audit bermula adalah seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuat kuasa.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pembayar cukai sedang diaudit bagi TT 2020 dan TT 2021. Pembayar cukai tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0 bagi TT 2020 dan TT 2021. Walau bagaimanapun, pembayar cukai masih layak untuk menyertai PKPS 2.0 bagi TT 2019 dan ke belakang.</p>

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
18.	Saya telah gagal membuat bayaran cukai atas pengakuan sukarela yang dibuat. Jika saya diaudit pada masa akan datang, adakah penalti di bawah PKPS 2.0 ini dikekalkan?	<p>Pembayar cukai yang gagal membuat bayaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan audit / siasatan pada masa akan datang. Pengenaan penalti ke atas penemuan audit / siasatan (sekiranya ada) adalah berdasarkan kepada arahan yang sedang berkuat kuasa dan penalti yang ditawarkan di bawah PKPS 2.0 adalah tidak terpakai untuk penemuan audit / siasatan ini.</p> <p>Contoh:</p> <p>Pembayar cukai menyertai PKPS 2.0 bagi TT 2020 pada 01 Julai 2023 dan gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam tahun 2025 kes pembayar cukai telah dipilih untuk diaudit kerana terdapat maklumat pendapatan yang tidak dilaporkan untuk TT 2020. Terdapat penemuan audit bagi TT2020 dan penalti akan dikenakan berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuat kuasa atas penemuan ini.</p>
E. PROSEDUR PENGAKUAN SUKARELA		
19.	Bolehkah pengakuan sukarela dibuat melalui panggilan telefon / aplikasi WhatsApp / media sosial?	<p>Tidak boleh. Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Bagi pembayar cukai baharu, BNCP / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual. Bagi pembayar cukai sedia ada: <ol style="list-style-type: none"> Tidak mengemukakan BNCP / BNCKHT. BNCP / BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh PKPS 2.0 sama ada secara e-Filing / e-CKHT atau manual.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		<p>ii. Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan.</p> <p>Pengakuan sukarela perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM https://www.hasil.gov.my / MyTax dengan menggunakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p> <p>c. Bagi pengakuan sukarela yang melibatkan isu harga pindahan, Borang Pengakuan Sukarela Bagi Kes Harga Pindahan boleh dimuat turun dari Portal Rasmi LHDNM. Borang yang telah lengkap diisi berserta lampiran perlu dikemukakan kepada Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran.</p> <p>d. Bagi pembayar duti, dokumen / perjanjian perlu dikemukakan melalui Stamp Assessment And Payment System (STAMPS) untuk proses penyeteman.</p>

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
20.	Saya tidak pernah berdaftar dengan LHDNM. Bagaimana cara untuk saya membuat pendaftaran fail cukai pendapatan?	<p>Mulai tahun 2023, semua fail pembayar cukai didaftarkan secara automatik melalui penggunaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN). Pembayar cukai boleh menyemak nombor pendaftaran cukai pendapatan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar dalam Portal MyTax di pautan https://mytax.hasil.gov.my; atau b. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran. <p>Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan / semakan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara).</p>
21.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela lebih awal sebelum tempoh PKPS 2.0 bermula?	Pembayar cukai tidak terhalang untuk membuat pengakuan sukarela lebih awal sebelum tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 bermula, namun ia tidak tertakluk kepada penyertaan ke dalam PKPS 2.0. Ini bermaksud, penalti yang akan dikenakan adalah tertakluk kepada Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuat kuasa. Pengurangan penalti akan dipertimbangkan berdasarkan alasan rayuan yang dikemukakan.
22.	Saya belum mengemukakan BNCP / BNCKHT tetapi telah membuat pengakuan sukarela melalui surat atau e-mel. Adakah saya perlu mengemukakan BNCP / BNCKHT?	Bagi pembayar cukai yang belum mengemukakan BNCP / BNCKHT, pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP / BNCKHT melalui e-Filing / e-CKHT / secara manual bagi menyertai PKPS 2.0. Pengemukaan pengakuan sukarela melalui surat atau e-mel tidak akan diterima kerana tidak memenuhi syarat PKPS 2.0.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
23.	Adakah LHDNM akan mengeluarkan surat PKPS 2.0 atas pengakuan sukarela yang dibuat melalui pengemukakan BNCP / BNCKHT secara e-Filing?	<p>LHDNM akan mengeluarkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 kepada pembayar cukai yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah PKPS 2.0.</p> <p>Bagi pembayar cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.</p>
24.	Bagaimanakah ejen cukai boleh mengemukakan pengakuan sukarela pembayar cukai?	<p>Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pembayar cukai baharu: Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP melalui Sistem TAeF. b. Pembayar cukai sedia ada: <ul style="list-style-type: none"> i. Tidak mengemukakan BNCP. Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP melalui Sistem TAeF. ii. Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan. Ejen cukai perlu log masuk ke Portal MyTax untuk mengemukakan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai dengan menggunakan ID individu dan memilih Kategori Ejen Cukai. <p>Ejen cukai perlu memasukkan maklumat pembayar cukai dengan memastikan maklumat pembayar cukai adalah tepat dan seterusnya memuat naik Borang</p>

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.
25.	Bolehkah ejen cukai mengemukakan pengakuan sukarela melalui Portal MyTax secara berkelompok?	Pengakuan sukarela melalui Portal MyTax tidak boleh dikemukakan secara berkelompok dan perlu dikemukakan secara berasingan bagi setiap pengakuan sukarela pembayar cukai.
26.	Saya tidak pernah mendaftar perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Adakah saya boleh melaporkan pendapatan melalui PKPS 2.0?	Boleh. Pembayar cukai perlu berdaftar dengan LHDNM terlebih dahulu bagi mendapatkan nombor pengenalan cukai (TIN) dan seterusnya mengemukakan BNCP / BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan.
27.	Jika akaun beraudit masih belum disediakan, bolehkah saya membuat pengakuan sukarela berdasarkan <i>Management Account</i> ?	Boleh. LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh PKPS 2.0. Walau bagaimanapun, jika selepas <i>Management Account</i> diaudit dan didapati terdapat perbezaan, pembayar cukai hendaklah membuat pindaan yang sewajarnya dan kadar penalti di bawah PKPS 2.0 adalah masih terpakai.
28.	Adakah dokumen sokongan perlu dikemukakan bersama-sama dengan pengakuan sukarela?	Tidak perlu.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
29.	Adakah saya akan diaudit / disiasat selepas membuat pengakuan sukarela dalam PKPS 2.0?	<p>Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat.</p> <p>Walau bagaimanapun tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat bagi keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Jika pengakuan sukarela yang dibuat hanya melibatkan isu bukan harga pindahan dan didapati wujud risiko harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu harga pindahan tersebut dan sekiranya pengakuan sukarela dibuat hanya melibatkan isu harga pindahan, tindakan audit / siasatan boleh diambil ke atas isu selain harga pindahan. b. Bayaran cukai atas pengakuan sukarela gagal dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.
30.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela walaupun saya belum pasti sama ada saya layak atau tidak dikenakan cukai?	<p>Kepastian sama ada pembayar cukai itu layak atau tidak dikenakan cukai boleh diperoleh daripada pegawai LHDNM di mana-mana LHDNM Negeri / Cawangan Khas terlebih dahulu sebelum pengakuan sukarela dibuat.</p> <p>Selain itu, pembayar cukai juga boleh menghubungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. HASiL Live Chat; b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
31.	Bagaimana saya boleh memohon rayuan pengecualian pengenaan penalti duti setem di bawah PKPS 2.0?	Pembayar duti boleh mengemukakan permohonan rayuan pengecualian pengenaan penalti secara dalam talian melalui STAMPS.
F. PERATURAN BAYARAN		
32.	Bilakah bayaran cukai bagi pengakuan sukarela perlu dibayar?	<p>Pembayar cukai hendaklah menjelaskan bayaran cukai secara sekali gus dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran atau secara ansuran berdasarkan aturan bayaran ansuran yang dipersetujui sehingga tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 berakhir.</p> <p>Permohonan aturan bayaran ansuran perlu perlu dikemukakan melalui Pautan PKPS 2.0 di Portal Rasmi LHDNM / MyTax dengan menggunakan Borang Permohonan Bayaran Ansuran PKPS 2.0.</p>
33.	Sekiranya tiada bayaran cukai dibuat sehingga tempoh PKPS 2.0 berakhir, apakah tindakan yang dikenakan terhadap saya?	<p>Sekiranya pembayar cukai gagal menjelaskan baki cukai pada akhir tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.</p> <p>Sekiranya tunggakan cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan, tindakan undang-undang boleh diambil dan pembayar cukai boleh diaudit / disiasat di masa hadapan.</p>
G. RAYUAN		
34.	Sekiranya saya telah memfailkan rayuan melalui Borang Q, bolehkah saya membuat pengakuan sukarela?	Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela sekiranya ia tidak melibatkan taksiran kurangan.

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
35.	Sekiranya saya telah membuat pengakuan sukarela dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0, bolehkah saya merayu untuk pengurangan cukai atas taksiran yang telah dibangkitkan?	Rayuan boleh difaiklan mengikut prosedur rayuan yang sedang berkuat kuasa.
H. PENDAPATAN YANG DITERIMA / DISIMPAN DI LUAR NEGARA		
36.	<p>Saya mempunyai pendapatan yang diperoleh dari Malaysia dan disimpan dalam akaun bank di luar negara.</p> <p>a. Adakah pendapatan ini tertakluk kepada pengenaan cukai di Malaysia?</p> <p>b. Adakah saya layak untuk menyertai PKPS 2.0 jika saya tidak pernah melaporkan pendapatan tersebut?</p>	<p>a. Pendapatan yang diperoleh atau terbit dari Malaysia walaupun disimpan dalam akaun bank di luar negara adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia. Pembayar cukai adalah bertanggungjawab untuk melaporkan pendapatan ini.</p> <p>b. Pembayar cukai layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya pendapatan tersebut tidak dilaporkan dan dibayar cukai di Malaysia. Pembayar cukai perlu melaporkan pendapatan tersebut berdasarkan tahun taksiran ianya diperoleh dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.</p>
37.	Adakah pendapatan punca luar negara layak untuk menyertai PKPS 2.0?	<p>Mulai 01 Januari 2022, pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin adalah tertakluk kepada pengenaan cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian cukai diberikan berhubung pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.</p> <p>Sekiranya pendapatan yang diterima tidak tertakluk kepada pengecualian cukai, pendapatan tersebut perlu dilaporkan dalam pelaporan cukai bagi Tahun Taksiran 2022.</p> <p>Rujuk <u>Garis Panduan Layanan Cukai Berhubung Pendapatan Yang Diterima Dari Luar Negara (Pindaan)</u> bertarikh</p>

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
		<p>29 Disember 2022 di Portal Rasmi LHDNM untuk maklumat lanjut.</p> <p>Sekiranya pendapatan tersebut tidak dilaporkan, hanya pembayar cukai baharu sahaja yang layak untuk menyertai PKPS 2.0 ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan bagi pendapatan tersebut. Pembayar cukai baharu layak untuk menyertai PKPS 2.0 kerana ia melibatkan Tahun Taksiran 2022.</p>
38.	Apakah yang dimaksudkan pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia?	<p>Diterima di Malaysia bermaksud diremit atau dibawa masuk ke dalam Malaysia dalam bentuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Tunai atau pindahan dana; atau b. Tunai dan pindahan dana. <p>Peremitan yang dilakukan perlu memenuhi perundangan yang berkuat kuasa.</p>
I. HARGA PINDAHAN		
39.	Adakah PKPS 2.0 terpakai untuk isu-isu Harga Pindaan (HP)?	Pengakuan sukarela untuk isu-isu HP adalah tertakluk kepada Kriteria dan Prosedur Pengakuan Sukarela Kes-Kes HP yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit Harga Pindahan yang berkuat kuasa. Kadar surcaj yang ditawarkan di bawah PKPS 2.0 adalah 0%.
40.	Sekiranya kadar surcaj yang ditawarkan adalah 0%, apakah maksud “sebarang pelarasan HP yang terbit daripada pengakuan sukarela untuk isu-isu HP di bawah PKPS 2.0 boleh dikenakan surcaj di bawah subseksyen 140A(3C), ACP 1967 walaupun tiada taksiran dibangkitkan?” sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5.5.6 Garis Panduan Operasi Bil. 2 Tahun 2023.	<p>Perenggan tersebut bermaksud pengakuan sukarela akan diterima untuk isu HP yang melibatkan pelarasan tambahan HP walaupun tiada taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan.</p> <p>Bagi permohonan yang melibatkan pelarasan kurangan HP, hanya pembayar cukai yang menjalankan transaksi terkawal domestik dan mempunyai kesan cukai bersih positif layak membuat pengakuan sukarela HP dengan syarat kedua-dua pihak membuat pengakuan sukarela HP tersebut.</p>

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN																											
41.	Siapa yang layak untuk mendapatkan manfaat PKPS 2.0 untuk isu-isu HP?	<p>Pengakuan sukarela untuk isu-isu HP adalah layak kepada pembayar cukai yang menjalankan transaksi terkawal dengan syarikat berkaitan kecuali:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembayar cukai yang menjalankan transaksi terkawal domestik; dan ii. Sebarang pelarasan dibuat di bawah Garis Panduan HP yang sedang berkuat kuasa tidak akan mengubah jumlah cukai yang perlu dibayar atau ditanggung oleh kedua-dua pihak. 																											
42.	Berdasarkan jawapan di soalan 40, apakah contoh senario bagi kes HP domestik yang tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0?	<p>Berikut adalah senario bagi kes HP domestik yang tidak layak untuk menyertai PKPS 2.0 kerana tiada kesan cukai / tidak mengubah jumlah cukai yang dibayar.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc;">Keterangan</th><th style="background-color: #cccccc;">Syarikat A</th><th style="background-color: #cccccc;">Syarikat B</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Untung perniagaan syarikat</td><td>4,500,000</td><td>7,000,000</td></tr> <tr> <td>(+) Pelarasan HP (PKPS 2.0)</td><td>900,000</td><td>(900,000)</td></tr> <tr> <td>Pendapatan larasan</td><td>5,400,000</td><td>6,100,000</td></tr> <tr> <td>(-) Elaun Modal</td><td>(800,000)</td><td>(500,000)</td></tr> <tr> <td>Agregat pendapatan berkanun perniagaan</td><td>4,600,000</td><td>5,600,000</td></tr> <tr> <td>Kadar Cukai</td><td>24%</td><td>24%</td></tr> <tr> <td>Cukai yang dikenakan</td><td>216,000</td><td>(216,000)</td></tr> <tr> <td>Kesan cukai bersih</td><td>Tiada</td><td></td></tr> </tbody> </table>	Keterangan	Syarikat A	Syarikat B	Untung perniagaan syarikat	4,500,000	7,000,000	(+) Pelarasan HP (PKPS 2.0)	900,000	(900,000)	Pendapatan larasan	5,400,000	6,100,000	(-) Elaun Modal	(800,000)	(500,000)	Agregat pendapatan berkanun perniagaan	4,600,000	5,600,000	Kadar Cukai	24%	24%	Cukai yang dikenakan	216,000	(216,000)	Kesan cukai bersih	Tiada	
Keterangan	Syarikat A	Syarikat B																											
Untung perniagaan syarikat	4,500,000	7,000,000																											
(+) Pelarasan HP (PKPS 2.0)	900,000	(900,000)																											
Pendapatan larasan	5,400,000	6,100,000																											
(-) Elaun Modal	(800,000)	(500,000)																											
Agregat pendapatan berkanun perniagaan	4,600,000	5,600,000																											
Kadar Cukai	24%	24%																											
Cukai yang dikenakan	216,000	(216,000)																											
Kesan cukai bersih	Tiada																												
43.	Adakah pembayar cukai layak untuk menyertai PKPS 2.0 sekiranya salah satu syarikat berkaitan mendapat faedah daripada insentif cukai atau mempunyai kerugian bawa hadapan, dan pelaporan pelarasan HP tersebut akan menyebabkan perubahan	<p>Jika salah satu pihak yang terlibat dalam transaksi terkawal tersebut mempunyai insentif cukai, kerugian bawa hadapan, atau elaun modal yang tidak dapat diserap, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi untuk layak menyertai PKPS 2.0:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembayar cukai menjalankan transaksi terkawal domestik; dan 																											

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN																								
	<p>kepada kedudukan cukai keseluruhan?</p>	<p>ii. Pelarasan harga pindahan akan menyebabkan kesan cukai positif.</p> <p>Sebagai contoh, pelarasan HP telah mengakibatkan taksiran cukai tambahan berjumlah RM200,000 kepada Syarikat A dan taksiran cukai kurangan berjumlah RM150,000 untuk Syarikat B. Dalam situasi ini, kedua-dua Syarikat A dan Syarikat B layak untuk menyertai PKPS 2.0 kerana terdapat kesan cukai bersih positif berjumlah RM50,000 daripada pengakuan sukarela tersebut. Ilustrasi maklumat di atas adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc; text-align: center;">Keterangan</th><th style="background-color: #cccccc; text-align: center;">Syarikat A</th><th style="background-color: #cccccc; text-align: center;">Syarikat B</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kadar Cukai</td><td style="text-align: center;">24%</td><td style="text-align: center;">24%</td></tr> <tr> <td>Cukai yang dikenakan</td><td style="text-align: center;">200,000</td><td style="text-align: center;">(150,000)</td></tr> <tr> <td>Kesan cukai bersih</td><td style="text-align: center;">50,000</td><td></td></tr> </tbody> </table> <p>Sebaliknya, jika pelarasan HP mengakibatkan taksiran cukai tambahan sebanyak RM70,000 untuk Syarikat A dan taksiran cukai kurangan berjumlah RM100,000, kedua-dua Syarikat A dan Syarikat B tidak layak menyertai PKPS 2.0 kerana kesan cukai bersih berjumlah RM30,000 adalah negatif.</p> <p>Ilustrasi maklumat di atas adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc; text-align: center;">Keterangan</th><th style="background-color: #cccccc; text-align: center;">Syarikat A</th><th style="background-color: #cccccc; text-align: center;">Syarikat B</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kadar Cukai</td><td style="text-align: center;">24%</td><td style="text-align: center;">24%</td></tr> <tr> <td>Cukai yang dikenakan</td><td style="text-align: center;">70,000</td><td style="text-align: center;">(100,000)</td></tr> <tr> <td>Kesan cukai bersih</td><td style="text-align: center;">(30,000)</td><td></td></tr> </tbody> </table>	Keterangan	Syarikat A	Syarikat B	Kadar Cukai	24%	24%	Cukai yang dikenakan	200,000	(150,000)	Kesan cukai bersih	50,000		Keterangan	Syarikat A	Syarikat B	Kadar Cukai	24%	24%	Cukai yang dikenakan	70,000	(100,000)	Kesan cukai bersih	(30,000)	
Keterangan	Syarikat A	Syarikat B																								
Kadar Cukai	24%	24%																								
Cukai yang dikenakan	200,000	(150,000)																								
Kesan cukai bersih	50,000																									
Keterangan	Syarikat A	Syarikat B																								
Kadar Cukai	24%	24%																								
Cukai yang dikenakan	70,000	(100,000)																								
Kesan cukai bersih	(30,000)																									
44.	Adakah pembayar cukai yang sedang diaudit layak untuk menyertai PKPS 2.0 untuk isu-isu HP?	Pembayar cukai tidak layak menyertai PKPS 2.0 bagi mana-mana tahun taksiran yang mana tindakan audit / siasatan telah bermula.																								

SOALAN LAZIM
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA 2.0
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BIL	PERSOALAN	JAWAPAN
45.	Dalam situasi manakah tindakan audit dianggap telah bermula?	Maksud tindakan audit bermula adalah seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Audit Harga Pindahan yang berkuat kuasa.
46.	Pembayar cukai telah membuat pengakuan sukarela isu HP bagi tahun taksiran 2020 dan 2021. Adakah bagi tahun taksiran tersebut, tiada tindakan audit / siasatan yang akan diambil kepada pembayar cukai?	<p>Pembayar cukai yang telah membuat pengakuan sukarela bagi isu HP bagi suatu tahun taksiran, tidak akan diaudit bagi isu HP bagi tahun taksiran yang sama di masa hadapan.</p> <p>Walau bagaimanapun, tindakan audit / siasatan ke atas isu bukan harga pindahan bagi tahun taksiran tersebut masih boleh dijalankan.</p>
J. HUBUNGI KAMI		
47.	Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya mempunyai pertanyaan berkaitan PKPS 2.0?	<p>Pembayar cukai boleh menghubungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. HASiL Live Chat; b. Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara); atau c. Kaunter perkhidmatan LHDNM yang berhampiran.